

# Trio poomsae UMS menang perak

UB 4.7.2013 A15

KOTAKINABALU: Trio taekwondo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fakhur Razi Sazali, Raymond Toh Meng Hui dan Yeo Kok Siong menang pingat perak acara poomsae berpasukan pada Kejohanan Poomsae Taekwondo Kebangsaan

TM/Masum Kali Ketiga 2013.

Trio poomsae taekwondo UMS tersebut mewakili pasukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) pada kejohanan yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Johor Bahru, Johor pada 18-30 Jun lalu.

Kemenangan trio poomsae UMS tersebut membantu Masum muncul juara kategori 18-29 tahun dengan tiga pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Kejohanan anjuran UMS

dengan kerjasama UTM Johor Bahru tersebut disertai 150 peserta dari kelab taekwondo negeri dan primer.

Selangor muncul juara keseluruhan selepas mendominasi kategori 14-17 tahun dan kategori 40 tahun ke atas.



**JUARA:** Skuad Jabatan Air (gambar) menewaskan pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) 3-2 untuk muncul juara acara bola sepak Sukan Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) 2013.

Perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini tersebut menyaksikan pertarungan sengit tetapi menarik terutama aksi dari beberapa bekas pemain Sabah seperti Henry Anjun, Majid Sadarkhan dan Paulus Jimit yang membarisi pasukan JKR.

Jabatan Air yang diketuai bekas jurulatih skuad bawah 19 tahun Sabah, Jumat Jimmy bagaimanapun lebih cemerlang. Gol-gol Jabatan Air dijaringkan Rodney Tingkas (dua gol) dan Faubin Jantim (satu gol). Kedua-dua pasukan terikat dengan keputusan seri 1-1 pada separuh masa pertama.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan Datuk Felix Madan dan Pengerusi Penganjur, Haji Nor Jawawi.